

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD.
YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 4 JULAI 2019

SOALAN : 97

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd. Yunus [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kerajaan mempunyai perancangan **penambahan anggota tetap** Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan **menaik taraf skim KP** yang dilihat masih terkebelakang berbanding bomba memandangkan pegawai APM di daerah-daerah masih lagi dalam kalangan kumpulan sokongan berbanding tugas dan risiko yang dipikul mereka apabila bencana berlaku.

JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) memainkan peranan yang besar di bawah peruntukan kuasa di bawah Akta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia 1951 atau Akta 221 yang meliputi persediaan dan latihan anggota Angkatan sebelum berlaku bencana; memainkan peranan sebagai pasukan penyelamat utama di lapangan semasa bencana; dan melaksanakan khidmat kemanusiaan serta pemulihian situasi selepas bencana. APM juga diberikan mandat sebagai Sekretariat kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Negeri dan Daerah serta bertanggungjawab menerajui aspek kesiapsiagaan awam dengan melatih seramai mungkin rakyat atau komuniti untuk bertindak balas apabila berlaku kecemasan dan bencana.
2. Pada ketika ini, APM kini diterajui oleh seramai 1,265 orang pegawai tetap dan sehingga Mei 2019, sebanyak 1,188 atau 94% jawatan telah diisi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 580 perjawatan adalah pegawai tetap beruniform dari Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam atau Skim KP dan baki 608 perjawatan lagi adalah penjawat dari Skim Perkhidmatan Guna Sama. Berdasarkan kepada kedudukan perjawatan dinyatakan, beberapa langkah telah diambil untuk mengoptimumkan penggunaan sumber manusia di APM bagi memastikan pengoperasian APM terus dilaksanakan di setiap peringkat khususnya di pejabat Pertahanan Awam Negeri dan Daerah yang melaksanakan fungsi penting sebagai Sekretariat kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah.
3. Antara langkah yang diambil untuk memperkasakan APM adalah membuat penyusunan semula organisasi mengikut keperluan semasa dan bermula pada tahun 2019 ini, APM telah melaksanakan audit perjawatan sedia ada sebelum mengemukakan sebarang permohonan pertambahan perjawatan atau penyusunan semula

SOALAN NO : 97

organisasi kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam atau JPA. Sebarang pertambahan dan penyusunan semula perjawatan di APM juga mengambil kira kaedah *trade-off* dan *redeployment* selaras dengan pelaksanaan dasar sedia ada mengenai kawalan saiz perkhidmatan awam serta penggunaan sumber manusia secara optimum.

4. Pertambahan jawatan ini adalah berdasarkan peranan dan tanggungjawab APM di dalam memberi perkhidmatan kecemasan melalui *Malaysia Emergency Response Services 999* atau MERS 999, serta selaku Sekretariat kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Negeri dan Daerah. Dengan cadangan pertambahan perjawatan ini, APM mampu melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih efisyen dan berkesan. Pertambahan jawatan ini akan menjadi pemangkin semangat kepada anggota Angkatan dan memantapkan lagi pengurusan sedia ada agar dapat terus memberikan perkhidmatan terbaik dan berkesan kepada seluruh rakyat Malaysia.

5. Pada ketika ini juga, bagi menampung keperluan perjawatan berbanding beban tugas dan risiko sedia ada khususnya di peringkat negeri dan daerah, pegawai tetap Skim KP APM telah ditugaskan untuk memantau serta melaksanakan tugas mengikut zon yang melibatkan pengagihan beberapa daerah di setiap negeri. Ini bertujuan untuk menampung bilangan perjawatan yang kecil di hampir semua Pejabat Daerah Pertahanan Awam seluruh negara.

Sekian, terima kasih.